



Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

SIARAN MEDIA

"234 SUKARELAWAN #KPWKM PRIHATIN TERIMA SIJIL PENGHARGAAN"

PUTRAJAYA, 5 MAC 2015 - Seramai 234 orang sukarelawan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) diraikan pada Majlis Apresiasi Sukarelawan #KPWKM Prihatin yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Dewan Perdana Nur, KPWKM.

Sukarelawan #KPWKM Prihatin terdiri daripada kakitangan KPWKM dan agensi tanpa mengira jabatan, gred dan jawatan telah ditubuhkan bermatlamat untuk membantu meringankan bebanan rakan-rakan para petugas banjir yang telah bertungkus-lumus memberikan perkhidmatan kepada mangsa banjir yang melanda Negara baru-baru ini.

YB Dato' Sri Rohani berkata, "para sukarelawan perlu diberikan latihan kesukarelawan agar mereka mendapat pendedahan, ilmu dan kemahiran dalam bidang sukarela. Oleh itu, Institut Sosial Malaysia (ISM), agensi di bawah KPWKM telah menggubal modul latihan kesukarelawan yang lebih komprehensif dengan kerjasama pihak universiti tempatan yang bertujuan meningkatkan tahap profesionalisme para sukarelawan di Negara ini".

Tambah beliau lagi, skop sukarelawan #KPWKM Prihatin akan diperluaskan tidak terhad kepada misi bantuan banjir sahaja, tetapi juga kepada sebarang situasi yang memerlukan penglibatan sukarelawan.

Secara keseluruhannya, sepanjang tempoh banjir yang bermula pada bulan Disember 2014, sebanyak 1,335 buah pusat pemindahan banjir telah dibuka bagi menempatkan seramai 541,896 orang mangsa banjir daripada 136,447 buah keluarga di 11 buah negeri.

Turut hadir sama pada majlis tersebut ialah YBhg. Dato' Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Dato' Norsham Rahin, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM, YBhg. Dato' Norani Hj. Mohd. Hashim, Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pegawai - pegawai kanan KPWKM.

####

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
No.55, Persiaran Perdana, Precint 4,
Putrajaya

Tarikh : 5 Mac 2015